



## LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

19 OGOS 2019

### **KENYATAAN MEDIA** **PENCEMARAN SUNGAI PELUMUT**

Pada 16 Ogos 2019, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menerima aduan berkaitan pencemaran Sg. Pelumut sehingga menyebabkan air sungai bertukar menjadi warna hitam. Siasatan segera pada jam 10.15 pagi telah dijalankan bermula dari hilir Sg. Pelumut di Jalan Montereiz, Kg. Melayu Subang sehingga ke kawasan perniagaan Subang Permai.

Melalui pemantauan udara (*dron*), LUAS mendapati punca air sungai bertukar menjadi hitam adalah disebabkan terdapatnya pelepasan efluen (*effluent discharge*) dari longkang yang berwarna hitam dan berbau mengalir masuk ke dalam sungai. Siasatan lanjut sepanjang longkang berkenaan mendapati pelepasan efluen tersebut berpunca dari kawasan sebuah premis kitar semula. Keadaan efluen di dalam longkang tersebut didapati di dalam bentuk cecair dan ada yang telah sebatu sehingga menjadi padat.

Susulan daripada itu, LUAS telah menjalankan pensampelan di tiga lokasi terlibat untuk pengenalpastian jenis efluen dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia. Dalam masa yang sama, perkara ini juga telah dipanjangkan kepada pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor (JAS) untuk semakan dan siasatan berkaitan premis terlibat.

Menurut pemilik premis bersebelahan premis terbabit memaklumkan efluen berwarna hitam yang berada di dalam longkang tersebut akan melimpah keluar dari longkang dan terus mengalir masuk ke dalam aliran sungai apabila hujan. Sekiranya didapati bersalah, pemilik premis terbabit boleh dikenakan hukuman berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 oleh JAS atau Seksyen 79 Enakmen LUAS 1999 tertakluk kepada hasil analisa pensampelan daripada Jabatan Kimia Malaysia nanti.

LUAS akan mengeluarkan arahan di bawah Seksyen 121(1) Enakmen LUAS 1999 kepada pihak yang bertanggungjawab bagi melaksanakan tindakan-tindakan yang perlu untuk melindungi sumber air daripada tercemar. Arahan untuk menghentikan sebarang pelepasan dari premis serta pelaksanaan kerja-kerja pembersihan di lokasi



## **LEMBAGA URUS AIR SELANGOR**

akan dikeluarkan oleh LUAS bagi mencegah perkara seumpamanya berlaku lagi di masa-masa akan datang, premis perlu menyediakan sistem rawatan efluen yang bersesuaian. Buat masa ini siasatan masih lagi diteruskan oleh LUAS bersama pihak-pihak berkaitan.

Disediakan oleh:

**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR**